

VILACRET Tablets

Vildagliptin (50 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan VILACRET
2. Bagaimana VILACRET berfungsi
3. Sebelum menggunakan VILACRET
4. Cara menggunakan VILACRET
5. Semasa menggunakan VILACRET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan VILACRET
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Semakan
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan VILACRET

Setiap tablet VILACRET mengandungi 50 mg bahan aktif vildagliptin. VILACRET ialah ubat yang digunakan untuk merawat pesakit yang menghidap diabetes jenis 2 yang mana keadaan mereka tidak boleh dikawal dengan diet dan senaman semata-mata. VILACRET membantu mengawal paras gula dalam darah. Ubat sedemikian dikenali sebagai antidiabetik oral. Diabetes jenis 2 berkembang jika badan tidak menghasilkan insulin yang mencukupi atau jika insulin yang dihasilkan oleh badan anda tidak berfungsi dengan baik. Penyakit ini juga boleh berkembang jika badan menghasilkan terlalu banyak glukagon. Insulin ialah bahan yang membantu menurunkan paras gula dalam darah anda, terutamanya selepas makan. Glukagon ialah bahan yang mencetuskan pengeluaran gula oleh hati, menyebabkan paras gula dalam darah meningkat. Pankreas menghasilkan kedua-dua bahan ini.

Bagaimana VILACRET berfungsi

VILACRET berfungsi dengan menjadikan pankreas menghasilkan lebih banyak insulin dan kurang glukagon. VILACRET membantu mengawal paras gula dalam darah. Doktor anda akan menetapkan pengambilan VILACRET sahaja atau secara gabungan dengan antidiabetik lain bergantung pada keadaan anda. Penting bahawa anda terus mematuhi

diet yang ditetapkan dan/atau senaman yang disarankan kepada anda semasa anda menjalani rawatan dengan VILACRET.

Tanya doktor anda sekiranya anda mempunyai apa-apa pertanyaan tentang sebab ubat ini telah ditetapkan pengambilannya untuk anda.

Sebelum menggunakan VILACRET

Sila ikuti semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti, walaupun sekiranya arahan tersebut berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini.

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alah (hipersensitif) terhadap vildagliptin atau apa-apa bahan lain VILACRET

Wanita hamil

Maklumkan doktor anda sekiranya anda hamil, sekiranya anda rasa anda mungkin hamil, atau sekiranya anda merancang untuk hamil. Doktor anda akan berbincang dengan anda tentang potensi risiko pengambilan VILACRET semasa tempoh kehamilan. Berbincanglah dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil apa-apa ubat semasa tempoh kehamilan.

Ibu yang sedang menyusukan anak
Jangan menyusukan anak semasa menjalani rawatan dengan VILACRET. Berbincanglah dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum pengambilan apa-apa ubat semasa anda sedang menyusukan anak.

- Sebelum mula menggunakannya

Berikan perhatian khas dengan VILACRET

- Jika anda hamil atau merancang untuk hamil.
- Jika anda menyusukan anak.
- Jika anda mengalami masalah buah pinggang.

- Jika anda mengalami masalah hati.
- Jika anda mengalami masalah kegagalan jantung, doktor anda akan membuat keputusan untuk menetapkan pengambilan VILACRET bergantung pada tahap masalah kesihatan anda.
- VILACRET bukan pengganti kepada insulin. Oleh itu anda tidak harus menerima VILACRET untuk rawatan diabetes jenis 1 (iaitu badan anda tidak menghasilkan insulin sama sekali) mahupun untuk rawatan masalah kesihatan yang dinamakan ketoasidosis diabetes.

Jika mana-mana keadaan di atas berkaitan dengan anda, maklumkan doktor anda sebelum pengambilan VILACRET.

Memantau rawatan VILACRET anda
Doktor anda harus memastikan bahawa ujian berikut dilakukan:

- Ujian darah dan air kencing secara berkala untuk mengetahui paras kandungan gula
- Ujian fungsi hati anda:
- pada permulaan rawatan
- setiap 3 bulan semasa tahun pertama rawatan dan secara berkala selepas itu
- anda tidak boleh sekali-kali memulakan semula pengambilan VILACRET jika doktor telah menasihati anda untuk menghentikan rawatan dengan VILACRET disebabkan masalah hati.

VILACRET dan warga emas
VILACRET boleh digunakan oleh pesakit warga emas.

VILACRET pada kanak-kanak/remaja
Tiada maklumat yang tersedia untuk kegunaan VILACRET pada kanak-kanak dan remaja (berumur bawah 18 tahun). Oleh itu, kegunaan VILACRET pada pesakit ini adalah tidak disarankan.

Maklumat penting tentang sesetengah bahan kandungan VILACRET

VILACRET Tablets

Vildagliptin (50 mg)

VILACRET mengandungi bahawa yang dipanggil laktosa (gula susu). Sila maklumkan doktor anda sebelum pengambilan VILACRET jika anda tak tolerans laktosa yang serius, tak tolerans galaktosa, atau malsedaran glukosa- galaktosa.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil atau telah mengambil apa-apa ubat lain baru- baru ini. Di samping itu, ingat ubat yang tidak ditetapkan pengambilannya oleh doctor

Cara menggunakan VILACRET

Sila patuhi semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti, walaupun sekiranya arahan tersebut berbeza daripada yang dinyatakan di dalam risalah ini. Jangan ambil VILACRET lebih daripada yang telah ditetapkan oleh doktor anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor anda akan menyatakan dengan tepat jumlah tablet VILACRET yang perlu diambil.

Dos biasa VILACRET ialah 50 mg atau

100 mg sehari. Dos 50 mg harus diambil sebagai dos 50 mg sekali sehari (pagi). Dos 100 mg harus diambil sebagai dos 50 mg dua kali sehari (pagi dan malam). Doktor anda boleh mencadangkan dos yang lebih tinggi atau lebih rendah bergantung pada respons anda terhadap rawatan.

Doktor anda akan menetapkan pengambilan VILACRET sahaja ataupun secaragabungan dengan antidiabetik lain, bergantung pada keadaan kesihatan anda.

- Bila perlu menggunakan

VILACRET harus diambil pada waktu pagi (50mg sekali sehari) atau pada waktu pagi dan malam (50mg dua kali sehari). VILACRET boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

Tablet harus ditelan keseluruhan dengan segelas air.

Tempoh masa penggunaannya

Teruskan pengambilan VILACRET setiap hari selagi diarahkan oleh doktor anda. Anda mungkin perlu menjalani rawatan ini untuk tempoh masa yang panjang. Doktor anda akan sentiasa memantau keadaan anda untuk memastikan bahawa rawatan memberikan kesan yang diinginkan.

Jika doktor anda telah mengarahkan anda untuk menghentikan rawatan dengan VILACRET disebabkan oleh masalah hati, anda tidak boleh sekali-kali memulakan pengambilan VILACRET sekali lagi.

Rujuk kepada doktor anda sekiranya anda mempunyai kemusykilan tentang tempoh masa pengambilan VILACRET

- Jika anda terlupa menggunakannya

Jika anda terlupa mengambil VILACRET, ambil secepat mungkin anda mengingatinya.

Kemudian ambil dos seterusnya pada masa pengambilan biasa. Walau bagaimanapun, jika masa pengambilan hampir dengan masa dos seterusnya, langkau dos yang telah terlepas. Jangan menggandakan dos semata-mata untuk menggantikan tablet yang terlupa pengambilannya.

- Jika anda mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil terlalu banyak tablet secara tidak sengaja, atau jika seseorang telah menggunakan ubat anda, berbincanglah dengan doktor anda dengan serta-merta. Anda mungkin perlu diberi rawatan perubatan. Jika boleh, tunjukkan pek kepada doktor.

Semasa menggunakan VILACRET

- Perkara yang perlu dilakukan

Amil ubat sepertimana yang ditetapkan oleh doktor anda. Maklumkan semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda

bahawa anda sedang mengambil VILACRET.

Maklumkan doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat melainkan dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan ambil apa-apa ubat baharu tanpa merujuk kepada doktor anda terlebih dahulu.

Jangan beri VILACRET kepada orang lain, walaupun sekiranya mereka mengalami simptom atau keadaan kesihatan seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan mengendalikan jentera

Pesakit yang mengalami masalah pening harus mengelak diri daripada memandu kenderaan atau mengendalikan jentera.

Kesan-kesan sampingan

VILACRET boleh menyebabkan kesan sampingan pada sesetengah orang. Sesetengah orang telah mengalami kesan sampingan berikut semasa mengambil VILACRET atau secara gabungan dengan ubat antidiabetik lain:

Sebahagian simptom perlu rawatan perubatan segera

Anda harus berhenti mengambil VILACRET dan berjumpa doktor anda dengan segera sekiranya anda mengalami simptom berikut:

- Muka, lidah atau tekak bengkak, sukar menelan, sesak nafas, timbul ruam atau gatal-gatal secara tiba-tiba (simptom tindak balas alahan serius yang dipanggil 'angioedema').
- Kulit dan/atau mata kuning, loya, hilang selera makan, air kencing berwarna gelap (simptom masalah hati berkemungkinan).
- Sakit perut bahagian atas yang serius (simptom radang pankreas

VILACRET Tablets

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Vildagliptin (50 mg)

- berkemungkinan).
- Sakit kepala, mengantuk, lemah, pening, kekeliruan, kerengsaan, kelaparan, degupan jantung yang cepat, berpeluh, rasa gelisah
 - simptom paras gula rendah dalam darah berkemungkinan yang dikenali sebagai 'hipoglisemia')

Kesan sampingan lain

Kesan sampingan biasa (berkemungkinan berlaku pada lebih daripada 1 dalam 10 pesakit)

Kesan sampingan luar biasa (berkemungkinan berlaku pada kurang daripada 1 dalam 100 pesakit).

Sesetengah pesakit mungkin telah mengalami kesan sampingan berikut semasa mengambil VILACRET sahaja:

- Biasa: Rasa pening.
- Luar biasa: Sakit kepala, sembelit, tangan, buku lali atau kaki bengkak (edema).

Sesetengah pesakit mungkin telah mengalami kesan sampingan berikut semasa mengambil VILACRET dan metformin:

- Biasa: Menggeletar, sakit kepala, rasa pening.

Sesetengah pesakit pula mungkin telah mengalami kesan sampingan berikut semasa mengambil VILACRET dan sulphonylurea:

- Biasa: Menggeletar, sakit kepala, rasa pening, rasa lemah

Sesetengah pesakit mungkin telah mengalami kesan sampingan berikut semasa mengambil VILACRET dan glitazone:

- Biasa: Berat badan naik, tangan, buku lali atau kaki bengkak (edema).
- Luar biasa: Sakit kepala.

Manakala sesetengah pesakit mungkin telah mengalami kesan sampingan berikut semasa mengambil VILACRET dan insulin (dengan atau tanpa metformin):

- Biasa: Sakit kepala, seram sejuk, loya, gula dalam darah menurun, pedih ulu hati.
- Luar biasa: Cirit-birit, kembung.

Sesetengah pesakit mungkin telah mengalami kesan sampingan berikut semasa mengambil VILACRET dengan metformin dan sulphonylurea:

- Biasa: Rasa pening, menggeletar, rasa lemah, peluh berlebihan,

Sila maklumkan doktor anda jika mana-mana kesan sampingan ini menjejaskan anda dengan serius.

Sesetengah pesakit mungkin telah mengalami kesan sampingan lain semasa mengambil VILACRET sahaja atau secara gabungan dengan ubat antidiabetik lain:

- Ruam gatal, kawasan kulit yang mengelupas atau lepuh, sakit sendi.

Maklumkan doktor anda jika mana-mana kesan sampingan ini menjejaskan anda dengan serius.

Sila maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan lain yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan dengan mengunjungi laman web npra.gov.my (Consumer→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan VILACRET

- Penyimpanan

Jangan simpan melebihi 30°C. Lindungi daripada kelembapan. Simpan dalam bungkusan asal

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak seharusnya dilupuskan melalui sisa air atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini

akan membantu melindungi alam sekitar

Maklumat Lanjut

Tablet berwarna Putih ke putih pudar, bulat, muka rata, bermata serong, dinyahbos dengan "M" di sebelah dan "V11" pada sebelah lagi

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: Vildagliptin

- Bahan tidak aktif: Lactose anhydrous, Low-substituted hydroxypropyl cellulose, microcrystalline cellulose, Magnesium stearate

- Nombor MAL: XXXXXXXX

Pengilang

MSN Laboratories Private Limited, Formulation Division, Unit-II, Survey # 1277, 1319-1324, Nandigama (Village & Mandal), Rangareddy District, Telangana, India.

Pemegang Pendaftaran Produk

Synercam (M) Sdn Bhd, A-17-7, Block A, Jaya One, No. 72A, Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz, Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP:

23/07/2025

Nombor Siri:

NPRA (R2) 25/024